

Padankan Teknik Plot dengan peristiwa yang betul.

Teknik dialog

Teknik monolog

Teknik kejutan

Teknik imbas muka

Teknik saspens

Teknik pemerian

Teknik konflik

Teknik imbas kembali

1.



Dialog antara Lili dan Kak Hamimah agar membantu menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga yang dialaminya oleh Che Jah sewaktu Kak Hamimah datang berubat dengan datuk.

2.



Pengarang memerihalkan sikap Seman iaitu suami Che Jah yang suka berjudi, pemabuk, suka berhutang dan melakukan keganasan rumah tangga terhadap isteri dan anak-anaknya.

3.



Datuk bermonolog tentang nasib perubatan tradisional yang sekian lama dipelopornya di kampung itu.

4.



Datuk mengimbas kembali akan kesilapannya sewaktu mendidik ibu Lili yang tidak menekankan didikan agama yang sempurna sehingga ibu Lili lebih cenderung mempelajari ilmu silat.

5.



Kehilangan kubah masjid menjadi tanda tanya kepada pembaca. Pembaca tertanya-tanya cara kehilangannya dan orang yang melarikan kubah tersebut. Mereka menyangka Rafiq dan Haziq yang melakukannya kerana mereka bersikap negatif.

6.



Lili takut dan bimbang jika orang kampung terlalu marah terhadap Haziq dan Rafiq, dua beradik itu akan mati dipukul atau dibunuh oleh bapanya sendiri.

7.



Datuk terkesan dengan sindirin nenek yang lebih mengutamakan perubatan tradisional berbanding perubatan moden sehingga timbul hasrat untuk tidak mahu lagi mencari akar-akar kayu di hutan.

8.



Pemuda Cina menyapa dan melemparkan senyuman kepada Lili di perhentian bas, Pekan Sentosa. Rupa-rupanya pemuda itu ingin memulangkan buku Lili yang tercicir semasa turun dari bas dengan tergesa-gesa.